



Headline: Kurang kesedaran punca mangsa hilang wang  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 23 June 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 3

# Kurang kesedaran punca mangsa hilang wang


Sindiket penipuan menggunakan pelbagai kaedah memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat perbankan

SHAH ALAM

**K**urang kesedaran dalam kalangan orang ramai terhadap tipu daya sindiket penipuan kewangan merupakan antara punca menyebabkan berlakunya kes kehilangan wang dalam akaun bank.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), tanggapan orang ramai bahawa kes tersebut terjadi kerana kelemahan sistem keselamatan perbankan adalah andaian yang kurang tepat.

"Sindiket penipuan kewangan menggunakan pelbagai kaedah memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat perbankan sama ada secara sedar atau tidak dengan teknik-teknik



**BNM dan industri perbankan mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dan melindungi maklumat perbankan daripada dikongsi dengan pihak yang tidak bertanggungjawab.**



yang berbeza. "Contohnya, sindiket penipuan kewangan mengarahkan mangsa memuat turun fail aplikasi APK (*Android Package Kit*) yang boleh membaca sistem pesanan ringkas (SMS) tanpa disedari mangsa.

"Selain itu, sindiket-sindiket ini turut menyamar sebagai pihak berkuasa atau bank bagi memancing maklumat perbankan dari mangsa-mangsa," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Baru-baru ini, tular di sosial

media beberapa kes penipuan kewangan melibatkan kehilangan wang yang dihadapi oleh begitu ramai individu yang menjadi mangsa.

Sehubungan itu, BNM dan industri perbankan mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dan melindungi maklumat perbankan daripada dikongsi dengan pihak yang tidak bertanggungjawab.

BNM turut memaklumkan bahawa selain media massa, pihaknya turut menggunakan saluran sosial media rasmi untuk

meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mengelakkan mereka menjadi keldai akaun di samping mendapat maklumat berkenaan kesan bakal dihadapi jika membenarkan pihak lain menggunakan akaun mereka.

Sehubungan itu, usaha meningkatkan kesedaran melalui media sosial oleh BNM turut melibatkan laman-laman Facebook 'Amaran Scam' yang berkongsi maklumat terkini mengenai taktik penipuan dan tips melindungi diri daripada menjadi mangsa.

## KES MANGSA SCAMMER LIBATKAN NILAI TINGGI

**17 JUN 2022**

**Pesara wanita hilang lebih RM4.3 juta ditipu 'ahli kaji bumi'**

**KUANTAN** - Niat baik seorang pesara wanita sebuah agensi kerajaan membantu kenalan yang dikenali melalui Facebook memakan diri apabila 'ahli kaji bumi' yang dibantu itu sebenarnya ahli sindiket 'love scam'.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf Ali berkata, wanita berusia 66 tahun tersebut berjaya diperdayakan oleh lelaki yang mendakwa dari Amerika Syarikat itu hingga menanggung kerugian lebih RM4.3 juta.

**23 APRIL 2022**

**Dua wanita rugi RM1.58 juta diperdaya Macau Scam**

**SEREMBAN** - Kes Macau Scam di Negeri Sembilan terus meningkat dengan dua wanita iaitu pesara dan guru menjadi mangsa terbaharu membabitkan kerugian berjumlah RM1.58 juta pada Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani berkata, dalam kes melibatkan mangsa berusia 77 tahun, warga emas itu menerima panggilan daripada staf Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memperkenalkan diri

sebagai Noraini Tan Abdullah.

**21 APRIL 2022**

**Guru lelaki jadi mangsa Macau Scam, rugi RM7.3 juta**

**KUALA LUMPUR** - Gara-gara bimbang didakwa terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram, seorang guru swasta kerugian RM7.3 juta dipercayai ditipu sindiket Macau Scam sejak Februari lalu.

Timbalan Pengarah (Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos berkata, mangsa seorang lelaki tempatan berumur awal 30-an didakwa dihubungi pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sejak Februari lalu.

**16 APRIL 2022**

**'Hangus' RM2.7 juta mangsa terpedaya Love Scam**

**KUALA LUMPUR** - Padah mempercayai teman lelaki yang baharu dikenali lima bulan melalui aplikasi temu janji dalam talian, wang simpanan seorang wanita berjumlah lebih RM2.7 juta lesap akibat menjadi mangsa penipuan Love Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Superintendan Mahidisham Ishak berkata, mangsa yang

berusia 44 tahun dikatakan berkenalan dengan seorang lelaki warga Amerika Syarikat melalui aplikasi 'Tinder' sejak November tahun lalu.

**21 MAC 2022**

**Balu ditipu Love Scam rugi RM3.9 juta**

**GEORGETOWN** - Hanya kerana kata-kata manis, seorang wanita berusia 63 tahun mengalami kerugian sebanyak RM3.9 juta selepas ditipu sindiket Love Scam yang menyamar sebagai warga Korea yang bekerja di pelantar minyak.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, mangsa yang merupakan seorang balu itu telah membuat 184 transaksi wang ke dalam 19 akaun bank tempatan berbeza sejak Disember tahun lalu sehingga bulan ini.

**5 NOVEMBER 2021**

**Warga emas ditipu lebih RM2 juta**

**KUALA LUMPUR** - Seorang wanita warga emas mengalami kerugian lebih RM2 juta selepas ditipu ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai 'pegawai Telekom Malaysia' pada Isnin.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Superintendan Tan Poh Cheok berkata, pihaknya menerima laporan daripada wanita yang berusia 80 tahun itu pada Selasa.